

29 APR 1998

DR MAHATHIR ADAKAN PERJUMPAAN KHAS DENGAN PEMIMPIN UMNO

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini mengadakan perjumpaan khas tertutup dengan pemimpin-pemimpin Umno bagi mengemaskinikan mereka dengan isu semasa terutamanya berkenaan ekonomi negara.

Perjumpaan anjuran Biro Penerangan Umno itu diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini dan dihadiri pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, ketua-ketua bahagian, Pergerakan Pemuda dan Wanita, pengerusi hal ehwal agama dan penerangan peringkat negeri serta bahagian.

Pada perjumpaan itu Dr Mahathir dijangka menerangkan langkah-langkah dan pencapaian kerajaan dalam menangani masalah ekonomi yang melanda negara sejak pertengahan tahun lepas.

Dengan adanya perjumpaan itu, pemimpin-pemimpin parti dapat menyebarkan maklumat serta usaha kerajaan kepada anggota di peringkat akar umbi dengan harapan ia dapat mengembalikan keyakinan terhadap ekonomi negara.

Perjumpaan itu juga memberi peluang kepada Dr Mahathir untuk menyampaikan amanat yang turut berkaitan politik kepada pemimpin parti di peringkat bahagian, Pemuda dan Wanita yang baru dipilih pada pemilihan peringkat bahagian baru-baru ini.

-- BERNAMA

ARA AKD